



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

**PASUKAN PETUGAS KHAS CPI BANGUNKAN
PELAN TINDAKAN FOCUS GROUP PENGUATKUASAAN,
PERKUKUH INTEGRITI DAN KEDUDUKAN CPI NEGARA**

**UNTUK SIARAN SEGERA
11 NOVEMBER 2025**

Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI) melalui Fokus Group (FG) Penguatkuasaan hari ini mengumumkan pembangunan **Pelan Tindakan FG Penguatkuasaan** sebagai panduan strategik bagi memperkukuh usaha penambahbaikan integriti dan keberkesanan penguatkuasaan dalam meningkatkan kedudukan dan skor Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI). Pelan Tindakan FG Penguatkuasaan bagi tahun 2026 tersebut menghimpunkan strategi, inisiatif dan tindakan utama dengan tumpuan kepada pengukuhan integriti, ketelusan, akauntabiliti serta pemantapan kecekapan operasi penguatkuasaan.

Menurut Puan Asliza Ali, Ketua Pegawai Eksekutif EAIC selaku Ketua Peneraju FG Penguatkuasaan, Pasukan Petugas Khas CPI, ***pelan tindakan ini merupakan roadmap strategik yang menekankan pendekatan bersepadu berasaskan data dalam melaksanakan reformasi penguatkuasaan, sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkukuh tadbir urus yang baik dan meningkatkan keyakinan awam terhadap institusi penguatkuasaan.***

Beliau berkata demikian selepas sesi Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan FG Penguatkuasaan yang diadakan selama dua hari di Putrajaya (10 dan 11 November 2025), melibatkan pegawai-pegawai kanan 12 agensi terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan

Malaysia (ROS), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). Bengkel tersebut bertujuan memperhalusi rangka tindakan serta cadangan inisiatif yang akan dimuktamadkan sebagai pelaksanaan.

Terdahulu Mesyuarat Pasukan Petugas Khas CPI yang dipengerusikan oleh Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara pada 3 Oktober 2024 telah menubuhkan enam *Focus Group* bagi melaksanakan tindakan penambahbaikan CPI di negara ini yang diterajui oleh EAIC Kementerian Kewangan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU, JPM) dan Kementerian Komunikasi. Inisiatif tersebut sejajar dengan komitmen YAB Perdana Menteri seperti yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), dengan matlamat meletakkan Malaysia berada di kelompok 25 negara terbaik dunia dalam penarafan CPI bagi tempoh 10 tahun akan datang (2023 – 2033).

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.